

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 NOVEMBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 39

5G: TERAJU terus pacu penyertaan bumiputera

5G: TERAJU terus pacu penyertaan bumiputera

PETALING JAYA: Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) terus memacu penyertaan syarikat-syarikat milik bumiputera di sepanjang rantaian pelaksanaan 5G melalui pelbagai cara bagi mewujudkan ekosistem mampan dengan sokongan pelbagai pihak.

Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Datuk Md. Silmi Abd. Rahman berkata, impak kewujudan ekosistem digital kepada bumiputera adalah sangat besar, merangkumi pembangunan kandungan dan aplikasi, penciptaan kekayaan melalui ekonomi digital.

Impak lain membabitkan hab pengeluaran komponen 5G seperti kabel fiber, perisian dan sel kecil serta usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan IPTS tempatan.

Kata beliau, golongan bumiputera yang mempunyai kepakaran dan merit harus diberikan ruang dan peluang agar tidak tercicir dari bersama-sama menjulang pembangunan negara ke gerbang ekonomi

masa hadapan.

“Sektor ekonomi digital berpotensi untuk menghasilkan Lebihan Operasi Kasar bernilai RM338.78 bilion dengan 427,138 peluang pekerjaan langsung dan tidak langsung menjelang 2030, seperti yang digariskan dalam Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030).

“Oleh itu, adalah menjadi satu tanggungjawab kepada TERAJU untuk memastikan syarikat bumiputera turut serta dalam ekosistem 5G ini secara inklusif,” katanya dalam kenyataan.

Md. Silmi berkata, Projek 5G Nasional adalah projek mega kerajaan bernilai hampir RM20 bilion, dan berpotensi untuk berkembang sehingga RM50 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Justeru katanya, bagi merealisasikan 60 peratus penglibatan bumiputera dalam projek 5G itu, TERAJU mencadangkan dua struktur utama dalam Digital Nasional Berhad (DNB) perlu diwujudkan iaitu Unit Pembangunan syarikat Bumiputera & Jawatankuasa Agenda



MD. SILMI ABD. RAHMAN

Bumiputera serta Unit Bumiputera dalam *Project Management Consultant* (PMC).

Dalam usaha memperkasa agenda bumiputera dalam sektor-sektor berimpak tinggi seperti 5G ini, TERAJU melalui kepakaran penyelidikan dalam juga telah mengadakan sesi Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) kajian untuk mengenalpasti ‘peluang-peluang syarikat bumiputera dalam pelaksanaan rangkaian 5G dan seterusnya.’

Sesi FGD melibatkan 48 pe-

serta daripada 38 organisasi dengan memberikan fokus kepada lima topik utama iaitu: Rangkaian Akses Radio, Infrastruktur Gantian Optik, Infrastruktur Menara Telekomunikasi, Industri Vertical dan Penggubal Dasar Negara.

Menurut TERAJU, dengan il-tizam bagi membantu lebih ramai bumiputera untuk terlibat dalam 5G, pihaknya telah menjalankan pelbagai usaha melalui setiap ruang termasuk mengangkat usul itu ke platform tertinggi pemeraksanaan agenda bumiputera iaitu Mesyuarat Majlis Kemakmuran Bumiputera, dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

“TERAJU juga telah memohon untuk melaksanakan polisi *Carve-Out & Compete* dan syarikat DNB telah bersetuju memperuntukkan nilai kontrak sekurang-kurangnya 60 peratus diberi kepada syarikat bumiputera, meliputi kerja-kerja pembangunan infrastruktur 5G termasuk pembekalan peralatan dan perkakasan serta pembekalan perkhidmatan,” katanya.